

BUAH-BUAHAN NADIR DAN BUAH-BUAHAN LIAR SEMENANJUNG MALAYSIA

Rukayah Aman

1.0 Pendahuluan

MALAYSIA SEBUAH negara yang bertuah kerana dikurniakan dengan berbagai-bagai spesies buah-buahan, kebanyakannya berasal dari negara ini. Buah-buahan ini boleh digolongkan ke dalam tiga kelas, iaitu buah-buahan utama, buah-buahan nadir dan buah-buahan liar, bergantung kepada status penanaman dan kegunaannya. Banyak spesies buah-buahan ini berpotensi sama ada untuk pengeluaran buah segar, buah-buahan proses, ulam dan sayur-sayuran, khasiat ubatan, unsur landskap dan spesies pelbagai guna. Pemuliharaan spesies buah-buahan ini perlu terutama ketika negara menuju ke arah perindustrian. Status pemuliharaan serta langkah-langkah mengatasi kepupusannya dibincangkan dalam kertas kerja ini.

Malaysia, negara yang kaya dengan flora dan fauna ini dikurniakan dengan berbagai-bagai spesies buah-buahan. Dianggarkan tidak kurang 370 spesies buah-buahan yang boleh dimakan terdapat di negara ini, kebanyakannya berasal dari negara ini dan masih boleh ditemui di hutan-hutan. Beberapa spesies telah diperkenalkan dari negara lain tetapi telah dapat beradaptasi dengan iklim negara ini.

2.0 *Buah-buahan di Semenanjung Malaysia*

Buah-buahan Semenanjung Malaysia boleh digolongkan ke dalam tiga kelas dari segi status penanaman, potensi kegunaan dan kepopularannya. Kategori tersebut ialah:

- (1) Buah-buahan utama
- (2) Buah-buahan nadir
- (3) Buah-buahan liar

2.1 *Buah-buahan utama/komersial*

Buah-buahan utama ialah buah-buahan yang mempunyai nilai komersial, sama ada untuk dimakan segar mahupun setelah diproses. Buah-buahan ini kebanyakannya ditanam secara meluas pada tahap komersial walaupun masih banyak lagi terdapat di dusun-dusun tradisi, iaitu ditanam bercampur dengan buah-buahan lain di sekitar rumah atau kebun. Sebanyak 16 spesies buah-buahan dikelaskan sebagai buah-buahan utama (*Jadual 1*).

2.2 *Buah-buahan nadir*

Buah-buahan nadir pula ialah buah-buahan yang jarang-jarang ditanam di peringkat komersial. Kebanyakannya ditanam bercampur dengan buah-buahan lain di dalam dusun atau dijadikan pohon teduhan di halaman rumah. Lebih 60-70 spesies buah-buahan dikelaskan ke dalam kategori buah-buahan ini (*Jadual 2*).

2.3 *Buah-buahan liar*

Buah-buahan liar kebanyakannya hidup liar secara semula jadi sama ada di hutan-hutan atau di kawasan terbuka. Buah-buahan ini sering dimanfaatkan oleh manusia selain menjadi sumber makanan burung-burung dan haiwan. Buah-buahan ini kebanyakannya masih belum diteroka potensinya. Antara buah-buahan yang terdapat di hutan ialah kandis, mundu, kerdas, durian hutan, sengkuang, mempaung, rambutan pacat, jentik-jentik, bangkung, perah dan keledang (*Jadual 3*).

2.4 *Buah-buahan Sabah dan Sarawak*

Buah-buahan yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak juga boleh dikelaskan dengan cara yang sama tetapi julat spesies bagi setiap kategori berbeza dengan di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan buah-

buah komersial terdapat di sana. Bagaimanapun, dalam hal durian spesies asli negeri-negeri tersebut lebih digemari daripada durian kampung (*Durio zibethinus*) yang sangat popular di Semenanjung. Penanaman buah-buahan kebanyakannya diusahakan secara kecil-kecilan dan masih banyak spesies buah-buahan yang hidup liar di hutan-hutan, sesetengahnya tidak terdapat di Semenanjung Malaysia.

3.0 Kegunaan Buah Nadir

3.1 *Buah-buahan segar*

Kebanyakan spesies buah nadir boleh dimakan dalam keadaan segar. Buah-buahan ini adalah seperti pulasan, kuini, bacang, kundang, remia, cerapu, tampoi, salak, rambai, jentik-jentik, kerian, rokam, delima, binjai, kedondong, mata kucing, sentul, nona, lanjut, nam-nam dan semua jenis jambu. Kebanyakannya berjus dan berasa manis atau masam-masam manis.

3.2 *Buah-buahan proses*

Beberapa spesies buah-buahan nadir pula berpotensi untuk diproses. Antara spesies buah-buahan ini ialah sentul, kundang, remia, asam jawa, rokam masam, belimbing buluh, cermai, rambai, buah melaka, buah pala, kelubi dan salak. Senarai spesies dan hasil-hasil pemprosesan buah-buahan ditunjukkan dalam *Jadual 4*.

3.3 *Ulam dan sayuran*

Selain dimakan segar beberapa spesies buah-buahan nadir dimanfaatkan sebagai ulam dan sayur. Buah-buahan yang dibuat ulam ialah petai, jering, kerdas dan putat. Beberapa spesies seperti gajus, sukun, kulur, sentul, ara dan belimbing buluh, pula digunakan dalam

masakan sebagai sayur-sayuran. Ada juga buah-buahan nadir digunakan sebagai perasa asam untuk gulai dan masakan lain. Buah-buahan tersebut ialah asam gelugur, asam jawa, bacang, pauh, kundang, kedondong, limau nipis, limau kasturi, sepam dan lain-lain. Selain buah, bahagian-bahagian lain juga kadang-kadang digunakan sebagai sayur atau ulam misalnya pucuk gajus dan putat dibuat ulam, kulit buah rambai dibuat gulai dan pucuk melinjau dimasak dan dimakan dengan nasi. Pucuk salam digunakan sebagai perasa dalam masakan.

3.4 *Khasiat makanan*

Banyak spesies buah ini merupakan sumber penting pektin dan serabut. Bahan-bahan ini perlu untuk kesihatan tubuh badan kerana berfungsi merancang aktiviti usus dan mengelakkan sembelit dan gangguan usus

Buah-buahan juga adalah sumber penting vitamin. Banyak spesies buah-buahan nadir yang mengandungi vitamin C. Vitamin C perlu untuk mengekalkan kesihatan kulit, gigi dan gusi dan mengelakkan daripada demam dan selsema. Buah binjai, redan, gajus, limau nipis dan buah melaka mengandungi vitamin C yang tinggi (108-224 mg/100 g). Sementara bacang, jambu bol dan kameto mempunyai vitamin C yang sederhana, iaitu 40-72 mg/ 100 g.

Beberapa spesies buah-buahan nadir mengandungi vitamin B. Delima, bilak, gelinggai dan gajus mengandungi vitamin B2 yang diperlukan untuk menambah selera makan dan mengelakkan daripada sakit lidah, tekak dan kulit.

Buah-buahan nadir juga membekalkan mineral seperti kalsium, magnesium, fosforan, kalium, sulfur dan zat besi. Gajus, gelinggai dan bilak adalah antara buah yang mengandungi bahan mineral. Mineral diperlukan oleh tubuh badan dalam kuantiti yang kecil. Kekurangan

mineral boleh mengakibatkan gangguan metabolisme dan gangguan lain.

Buah-buahan kaya dengan asid organik yang membantu proses penghadaman dan menambah selera makan. Asid sitrik terdapat pada limau manakala asid tartarik terdapat pada buah asam jawa. Kebanyakan buah-buahan tidak mengandungi zat protein dan lemak yang diperlukan oleh tubuh badan, sebab itulah buah-buahan hanya merupakan makanan tambahan kepada manusia.

3.5 *Khasiat ubatan*

Banyak spesies buah-buahan nadir berkhasiat ubatan. Khasiat ini berbeza-beza antara satu spesies dengan spesies yang lain. Buah ialah sumber vitamin, pektin dan selulosa yang diperlukan untuk kesihatan dan mengelakkan daripada beberapa jenis penyakit. Buah-buahan nadir yang berkhasiat ubatan ialah seperti gajus, delima, buah melaka, belimbing masam, asam jawa, asam gelugur, buah pala, wampi, petai, jering dan kerdas. Belimbing masam dipercayai dapat mengawal tekanan darah tinggi. Begitu juga buah-buahan yang dimakan sebagai ulam seperti petai, jering dan kerdas. Limau nipis dan limau purut telah lama digunakan dalam perubatan tradisional.

Selain buah, bahagian-bahagian lain pokok dibuat ramuan ubat-ubatan untuk mengubati berbagai-bagai penyakit. Bahagian-bahagian tersebut ialah seperti daun, bunga, kulit batang, akar dan biji. Daun gajus boleh menyembuhkan ulser di mulut dan mengurangkan tekanan darah tinggi. Biji kerian pula berkhasiat untuk mengawal penyakit kencing manis, begitu juga daun pokok ara.

3.6 *Buah-buahan nadir sebagai unsur seni taman*

Minat terhadap seni taman atau landskap kian meningkat masa kini seiring dengan arus pembangunan yang pesat. Dengan gaya hidup yang kian canggih, penduduk yang kian ramai dan ruang yang semakin sempit, kesedaran terhadap konsep menggunakan tanaman yang boleh dimakan untuk seni taman semakin ketara. Pokok buah-buahan nadir mempunyai julat saiz, bentuk, warna dan tekstur yang berbeza-beza dan berbagai-bagai. Kepelbagaian dalam ciri ini menyediakan pilihan-pilihan yang luas untuk gabungan spesies dalam seni taman. Pokok-pokok seperti jambu bertih, cermai, nam-nam, limau pagar, kedondong kerdil, nona, kerandang dan delima mempunyai kanopi yang kecil dan sesuai ditanam di sekitar rumah juga ditanam bercampur sebagai unsur seni taman. Pokok-pokok yang mempunyai kanopi yang besar seperti rambai, kundang, binjai, bacang dan lain-lain pula lebih sesuai untuk taman yang luas.

3.7 *Penyelidikan*

Dari segi penyelidikan pokok buah-buahan nadir terutama spesies yang berkaitan dengan buah-buahan utama boleh dijadikan pokok penanti untuk ketahanan terhadap penyakit dan memendekkan tempoh juvenil. Sebab itu, buah-buahan nadir adalah sumber bahan genetik dalam pembiakbakaan untuk membaiki buah-buahan komersil. Kebanyakan buah-buahan nadir belum diterokai potensinya sebagai spesies pelbagai guna.

4.0 Status Pemuliharaan

4.1 *Buah-buahan utama/komersial*

Kebanyakan buah-buahan utama seperti durian, rambutan, mangga, manggis dan duku/langsat ditanam di tahap komersial selain di dusun-

dusun tradisi. Bagaimanapun, kebanyakan baka atau klon yang ditanam adalah yang terpilih dan berpotensi. Baka-baka primitif, jenis liar, klon-klon lama biasanya tidak ditanam di kebun komersial. Sesetengahnya masih terdapat di dusun tradisi dan dikekalkan dalam keadaan itu. MARDI telah mengambil inisiatif mengumpul semula baka dan klon-klon lama ini dalam bank gen. Usaha ini juga telah dijalankan di UPM dan Jabatan Pertanian.

4.2 *Buah-buahan nadir*

Buah-buahan nadir kebanyakannya ditanam di dusun tradisi, di sekitar rumah atau hidup dalam keadaan separuh liar di kampung-kampung. Kebanyakan buah-buahan ini dipulihara dengan cara ini. Bagaimanapun, pokok buah-buahan ini semakin berkurangan kini kerana banyak kawasan telah digunakan untuk perumahan dan pembangunan yang lain.

Baru-baru ini telah ada beberapa pusat penyelidikan yang telah mengambil inisiatif mengumpul semula dan mengekalkan spesies ini dalam aboretum atau taman menggunakan pendekatan agrolancongan dan ekolancongan.

- . MARDI, Serdang
- . Taman Pertanian Malaysia
- . Taman Pertanian Sg. Sebiew, Bintulu, Sarawak
- . Jabatan Pertanian Tenom, Sabah

Selain itu, terdapat juga usaha beberapa syarikat swasta seperti Nasoha Enterprise, Malacca Golf Resort dan Petra Jaya untuk mengekalkan semula spesies buah-buahan ini. Usaha ini sedikit sebanyak turut membantu pemuliharaan spesies buah-buahan ini.

4.3 Buah-buahan liar

Buah-buahan liar sama ada yang hidup di kawasan terbuka atau buah-buahan hutan kebanyakannya dipelihara dalam keadaan *in-situ* (*Jadual 5*), iaitu di kawasan semula jadinya. Buah-buahan ini nampaknya tidak begitu terjejas selagi habitatnya tidak diganggu. Namun demikian, penebangan hutan yang berleluasa, pembinaan empangan, pertukaran hutan menjadi tanah pertanian serta pembangunan yang terlalu pesat kini akan memberi kesan yang hebat kepada habitat semula jadi spesies buah-buahan ini. Oleh itu, usaha perlu dibuat bagi mengumpul spesies buah-buahan ini dan memuliharkannya dalam keadaan *ex-situ* sebelum mengalami kepupusan.

5.0 Masalah Kepupusan Spesies dan Cara Mengatasinya

Malaysia mempunyai kepelbagaian sumber genetik buah-buahan yang sangat luas. Terpulanglah kepada kita dan generasi akan datang untuk menghayati dan memanfaatkan sumber genetik ini serta mengekalkan kewujudannya supaya terus dapat dinikmati bersama. Dalam keadaan pembangunan negara yang pesat ini nampaknya buah-buahan nadir ini semakin tidak diberi perhatian yang wajar. Penduduk di bandar hampir tidak dapat mengenalinya lagi. Di kampung-kampung pokok buah-buahan ini banyak yang telah ditebang untuk memberi laluan kepada projek-projek perumahan dan pembangunan yang lain. Penebangan hutan, proses perbandaran dan pembangunan telah menghapuskan habitat semula jadi dan kawasan penanaman buah-buahan ini. Masyarakat kini nampaknya tidak menghargai kewujudan spesies buah-buahan ini.

Perlu diingat bahawa dunia mengalami kepupusan spesies yang berterusan dan dianggarkan 500,000 spesies akan pupus dari dunia ini menjelang tahun 2000. Spesies buah-buahan nadir juga tidak terkecuali. Kini telah ada spesies yang telah menuju kepupusan (*Jadual 6*). Usaha-usaha menanamnya dihentikan kerana potensinya belum disedari atau diteroka sepenuhnya ataupun penanamannya agak sukar. Contohnya pokok lanjut (*Mangifera lagenifera*) akan pupus jika tidak diselamatkan dengan

segera. Walaupun MARDI dan beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini berusaha untuk mengumpul semula spesies buah-buahan ini, usaha ini perlu dibantu oleh pihak kerajaan dengan menanam spesies buah-buahan ini di taman-taman sebagai unsur landskap dan di pekarangan sekolah sebagai bahan pendidikan dan juga supaya pelajar-pelajar didedahkan dengan pengetahuan berkenaan buah-buahan ini.

6.0 Usaha-Usaha Pemuliharaan Untuk Mengelakkan Kepupusan Spesies:

- (1) Mengumpul semula spesies buah-buahan nadir dan liar di dalam aboretum di pusat penyelidikan atau pengajian tinggi. Pengumpulan spesies lebih menarik lagi jika dibuat berorientasikan agrolancongan atau ekolancongan.
- (2) Menanam spesies buah-buahan ini terutama yang berkanopi besar di taman-taman rekreasi atau hutan lipur.
- (3) Menggalakkan penanaman spesies berkanopi kecil di kawasan rumah, misalnya setiap buah rumah menanam satu atau dua spesies.
- (4) Menanam spesies buah-buahan sebagai unsur landskap di pekarangan sekolah, institusi pengajian tinggi dan taman permainan.
- (5) Menanam spesies yang sesuai di bandar-bandar sebagai tanaman lebu di pembahagi atau di tepi jalan.
- (6) Memastikan kewujudan spesies dengan memulihkan pokok-pokok yang telah ada supaya terus wujud dan tidak pupus.
- (7) Bagi pokok-pokok yang hampir pupus penjagaan khusus dibuat untuk mengelakkannya daripada pupus dan denda dikenakan bagi sesiapa yang menebang atau merosakkan pokok tersebut.

- (8) Menyebarkan maklumat untuk menambah kesedaran umum tentang kewujudan spesies buah-buahan ini.

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Buah–buahan Utama Semenanjung Malaysia

Kumpulan I: Buah-buahan yang tidak bermusim, iaitu boleh didapati sepanjang tahun, digemari ramai dan berpotensi untuk dieksport

Pisang (*Musa sapientum* L.)

Betik (*Carica papaya* L.)

Nanas (*Ananas comosus* (L.) Merr.)

Belimbing (*Averrhoa carambola* L.)

Tembikai dan tembikai wangi (*Citrullus lanatus* (Thumb.)

Mansf., *Cucumis melo* L.)

Jambu batu (*Psidium guajava* L.)

Kumpulan II: Buah-buahan bermusim yang berpotensi untuk keperluan tempatan dan juga eksport

Mangga (*Mangifera indica* L.)

Durian (*Durio ziberthinus* L.)

Nangka (*Artocarpus heterophyllus* Lam.)

Rambutan (*Nephelium lappaceum* L.)

Limau (*Citrus* spp.)

Kumpulan III: Buah-buahan yang digemari ramai tetapi belum dieksploit untuk ditanam secara komersial dan eksport

Duku langsung (*Lansium domesticum* Jack.)

Ciku (*Achras sapota* L.)

Cempedak (*Artocarpus cempeden* Spreng.)

Manggis (*Garcinia mangostana* L.)

Kumpulan IV: Buah-buahan yang berpotensi untuk diproses

Durian belanda (*Annona muricata* L.)

Jambu batu (*Psidium guajava* L.)

Jadual 2. Buah-buahan Nadir Semenanjung Malaysia

Nama biasa	Nama botani
Anacardiaceae	
Amra	<i>Spondias pinnata</i> Kurtz
Asam kumbang	<i>Mangifera quadrifida</i> Jack
Bacang	<i>Mangifera foetida</i> Lour.
Binjai	<i>Mangifera caesia</i> Jack
Gajus	<i>Anacardium occidentale</i> L.
Kedondong	<i>Spondias cytherea</i> Sonn.
Kuini	<i>Mangifera odorata</i> Griff.
Kundang	<i>Bouea macrophylla</i> Griff.
Lanjut	<i>Mangifera lagenifera</i> Griff
Pauh	<i>Mangifera petandra</i> Hook f.
Remia	<i>Bouea microphylla</i> Griff.
Sepam	<i>Mangifera longipetiolata</i> King.
Annonaceae	
Nona kapri	<i>Annona reticulata</i> L.
Nona sri kaya	<i>Annona squamosa</i> L.
Apocynaceae	
Kerandang	<i>Carissa congesta</i> Wight

Ebenaceae

Mentega *Dispyros discolor* Wild.

Elaeocarpaceae

Ceri *Mutingia calabura* L.

Euphorbiaceae

Buni *Antidesma bunius* (L.) Spreng

Cermai *Phyllanthus acidus* (L.) Skeels

Jentik-jentik *Baccaurea polyneura* Hook. f.

Melaka *Phyllanthus emblica* L.

Rambai *Baccaurea motleyana*

Muell.- Agr.

Flacourtiaceae

Kerkup *Flacourtia jangomas* (Lour.)
Rausch.

Rokam manis *Flacourtia rukam* Zoll & Mor.

Rokam masam *Flacourtia inermis* Roxb.

Geraniaceae

Belimbing masam *Averrhoa bilimbi* L.

Gnetaceae

Melinjau *Gnetum gnemon* (L.)

Guttiferae

Asam gelugur *Garcinia atroviridis* Griff.

Cerapu *Garcinia prainiana* King

Leguminosae

Asam jawa *Tamarindus indica* L.

Petai *Parkia speciosa* Hassle

Jering *Pithecellobium jiringa* Prain

Namnam *Cynometra cauliflora* L.

Meliaceae

Sentul *Sandorium koetjape* Merr.

Langsat embun *Lansium* sp.

Moraceae (Urticaceae)

Ara *Ficus auriculata* Lour.

Kulur *Artocarpus camansi* Blanco.

Sukun *Artocarpus communis* Forst.

Myristicaceae

Pala *Myristica fragrans* Houtt.

Myrsinaceae

Mata ayam *Ardisia crispa* (Thunb.f.) A.D.C.

Myrtaceae

Cermai belanda *Eugenia uniflora* L.

Jambu air *Syzygium aqueum* (Burm.f.) Alston

Jambu semarang *Syzygium samarangense* (Blume)
Merr. & Perry

Jambu bol *Syzygium malaccense* (L.) Merr. &
Perry

Jambu mawar *Syzygium jambos* (L.) Alston

Kerian *Syzygium cumini* (L.) Skeels

Muyu *Eugenia claviflora* Roxb.

Salam *Syzygium polyantha* Wright

Palmae

Salak *Salacca edulis* Reinw.

Punicaceae

Delima *Punica granatum* L.

Rhamnaceae

Bedara *Zizyphus mauritiana* Lam

Rutaceae

Bilak *Aegle marmelos* Correa
Gelinggai *Limonia acidissima* L.
Limau cembol *Citrus reticulata* Blanco
Limau cula *Citrus sinensis* Osbeck
Limau kesturi *Citrus microcarpa* Bunge
Limau nipis *Citrus aurantifolia* Swingle
Limau pagar *Fortunella polyandra* Swingle
Limau tambun *Citrus grandis* Osbeck
Wampi *Clausena lansium* Skeels

Sapindaceae

Ceri Terengganu *Leppisanthes alata*
Gegelek *Leppisanthes fruticosa* (Roxb.)
Leenh.
Kasai *Pometia pinnata* Forst.
Kelat layu/Mertajam *Leppisanthes rubiginosa* (Roxb.)
Leenh.
Lotong *Nephelium cuspidatum* var.
eriopetalum (Mig.) Leenh.
Mata kucing *Dimocarpus longana* ssp.
malesianus Leenh.
Pulasan *Nephelium ramboutan* – ake
(Labill.) Leenh.
Redan *Nephelium glabrum* Noronha

Sapotaceae

Sauh *Manilkara kauki* (L). Dubard.
Kameto *Chrysophyllum cainito* L.

Sterculiaceae

Kelumpang *Sterculia foetida* L.

Jadual 3. Buah-buahan Liar Semenanjung Malaysia

Nama biasa

Nama botani

Anacardiaceae

Kundang

Bouea macrophylla Griff.

Rawa

Mangifera macrophylla Griff

Remia

Bouea macrophylla Griff.

Sengkuang

Dracontemelum dao (Blanco)
Merr. & Rolfe

Bombacaceae

Durian daun

Durio lowianus Scort.

Durian beludu

Durio oxleyanus Griff.

Durian burung

Durio graveolens Becc.

Elaeocarpaceae

Ceri

Mutingia calabura

Euphorbiaceae

Jentik-jentik

Baccaurea polyneura Hook.f.

Larah/Tampoi

Baccaurea griffithii Hook. f.

Melaka

Phyllanthus emblica L.

Perah

Elateriosperma tapos Blume

Mempaung

Baccaurea lanceolata Muell. – Agr.

Rambai tikus

Baccaurea brevipes Hook.f.

Setambun

Baccaurea parviflora (muell.Agr.)
Muell. Arg.

Taban

Baccaurea reticulata Hook.f.

Tampoibunga

Baccaurea bracteata Muell.- Agr.

Fagaceae

Berangan *Castanopsis inermis* Benth.& Hook. f.

Flacourtiaceae

Kepayang *Pangium edule* Reinw.

Rokam manis *Flacourtia rukam* Zoll & Mor.

Guttiferae

Asam gelugur *Garcinia atroviridis* Griff.

Asam kandis *Garcinia xanthochymus* Hook.F.

Beruas *Garcinia hombroiniana* Pierre

Kandis *Garcinia cowa* Roxb.

Mundu *Garcinia dulcis* Kurz

Kandis gajah *Garcinia griffithi* T. Anderson

Hypoxidaceae

Lumbah *Curculigo latifolia* Dryand

Lecythidaceae

Putat *Barringtonia racemosa* Roxb.

Leguminosae

KerANJI *Dialium indum* L.

Kedawong *Parkia javanica* (Lamk.) Merr.

Petai *Parkia speciosa* Hassle

Kerdas *Pithecellobium bubalinum* (Jack)-Benth.

Jering *Pithecellobium jiringa* Prain

Kerdas/belangkas hutan *Pithecellobium kunstleri* Prain ex King

Melastomataceae

Senduduk *Melastoma malabatricum* L.

Meliaceae

Sekiat *Aglaia* sp.

Bekak *Reinwartiodendron cinerium* (Hiern.)
Mabb.

Moraceae (Urticaceae)

Bangkong *Artocarpus polyphema* Pers.
Kulur *Artocarpus camansi* Blanco.
Miku *Artocarpus lowii* Hook. f.
Tampang *Artocarpus nitidus* Wall.
Tempunik *Artocarpus rigidus* Blume

Myrsinaceae

Mata ayam *Ardisia crispa* (Thunb.f.) A.D.C.
Mata pelanduk *Ardisia elliptica* Thunb.

Myrtaceae

Kemunting *Rhodomyrtus tomentosa* Wight
Muyu *Eugenia claviflora* Roxb.
Salam *Syzygium polyantha* Wright

Palmae

Kabung *Arenga saccharifera* Labill.
Kelubi/Asam Paya *Salacca conferta* Griff.
Rekam *Salacca wallichiana* Mart.

Pasifloraceae

Letup-letup *Passiflora foetida* L.

Rubiaceae

Mengkudu *Morinda citrifolia* L.

Rutaceae

Limau kapya *Triphasia trifolia* P. Wils.

Sapindaceae

Kasai	<i>Pometia pinnata</i> Forst.
Lotong	<i>Nephelium cuspidatum</i> var. <i>eripetalum</i> (Mig.) Leenh.
Mata kucing	<i>Dimocarpus longana</i> ssp. <i>malesianus</i> Leenh.
Rambutan pacat	<i>Xerospermum noronhianum</i> (Blume) Blume
Redan	<i>Nephelium glabrum</i> Noronha
Sanggul lotong	<i>Nephelium cuspidatum</i> var. <i>ophiodes</i> (Radlk.) Leenh.

Solanaceae

Cipluan	<i>Physallis minima</i> L.
Terung asam	<i>Solanum</i> sp.
Terung pipit	<i>Solanum torvum</i> Swartz

Sonneratiaceae

Pedada	<i>Sonneratia caseolaris</i> Engl.
Berembang	<i>Sonneratia alba</i> Smith

Sterculiaceae

Kembang Semangkuk	<i>Scaphium macropodum</i> (Mig.) Beume ex Heyneo
-------------------	--

Tiliaceae

Cenderai	<i>Grewia paniculata</i> Roxb.
Cenderai paya	<i>Grewia miqueliana</i> Kurz.
Sanga/medang manik	<i>Elaeocarpus jackianus</i> Wall

JADUAL 4 : Hasil Pemprosesan Buah-buahan Nadir.

Nama biasa	Nama botani	Hasil pemprosesan
Sentul	<i>Sandoricum koetjape</i>	Jem, makanan ringan kering masin
Kundang	<i>Bouea macrophylla</i>	Jem, jeruk, makanan ringan kering masin
Rukam masam	<i>Flacourtia inermis</i>	Jem, jeli, halwa
Bacang	<i>Mangifera foetida</i>	Jem, jeruk, nektar
Rambai	<i>Baccaurea motleyana</i>	Jeli, halwa, cuka, nektar, jeruk, makanan ringan kering masin
Asam jawa	<i>Tamarindus indica</i>	Jeruk, halwa, kordial, konsentrat, serbuk, jus, sos, nektar, jem, kandi, bebola asam manis.
Belimbing masam	<i>Averrhoa bilimbi</i>	Jem, makanan ringan kering masin, halwa
Cermai	<i>Phyllanthus acidus</i>	Halwa, Jem, jeruk
Buah pala	<i>Myristica fragrans</i>	Jeruk, makanan ringan kering manis
Kedondong	<i>Spondias cytherea</i>	Jeruk
Melinjau	<i>Gnetum gnemon</i>	Keropok
Buah melaka	<i>Phyllanthus emblica</i>	Jeruk
Kelubi	<i>Salacca conferta</i>	Jeruk
Salak	<i>Salacca edulis</i>	Jeruk
Limau kasturi	<i>Citrus microcarpa</i>	Jus, jeruk, acar
Limau nipis	<i>Citrus aurantifolia</i>	Jus, jeruk, acar, halwa
Limau pagar	<i>Fortunella polyandra</i>	Halwa, acar
Jambu air	<i>Syzygium aqueum</i>	Halwa

Jadual 5: Buah-buahan nadir dan liar yang masih terdapat di hutan dan dipelihara dalam keadaan *in-situ*

Rawa	Bangkung
Bacang	Terap nasi
Sengkuang	*Miku
Durian beludu	Tampang
Durian merah	Tempunik
KerANJI	Mata pelanduk
*Jentik-jentik	Kemunting
Tampoi	Kabung
Perah	Kelubi
Mempaung	Rekam
Rambai tikus	Salak
Setambun	Kasai
Tampoi bunga	*Lotong
Taban	Rambutan pacat
Berangan	Berembang
Kepayang	Pedada/gedabu
Asam gelugur	Kelumpang
Asam kandis	Kembang semangkuk
Kandis gajah	Cenderai
*Mundu	Cenderai paya
Lumbah	Sanga
Putat	
KerANJI	
Kedawong	
Petai	
Jering	
Kerdas	
Remik	
Senduduk	

Sentul
Sekiat
Bekak
* Jarang didapati

Jadual 6: Spesies buah-buahan yang hampir pupus di Semenanjung Malaysia.

Spesies asli negara ini

Spesies dari luar

Lanjut
Asam kumbang
Sepam
Kundang
Binjai
Beruas
Nam-nam
Kuini
Langsat embun
Lotong
Redan
Melaka
Jentik-jentik
Cerapu
Pauh
Bacang
Jambu bol/Jambu gelas
Mata kucing
Sentul/Kecapi
Kerian
Melinjau
Muyu

Gelinggai
Bilak
Buni
Limau kapya
Wampi
Kedondong
Kerandang
Rokam manis
Rokam masam
Kulur
Gajus
Cerma

Pusat Penyelidikan Strategik, Alam Sekitar dan Sumber Semula Jadi, MARDI Serdang.

Rujukan

Burkill, I. H. 1966. *A Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsular*. Jil. I dan II. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Co-operatives (Edisi Kedua)

Bose, T.K. (ed.) 1985. *Fruit of India Tropical and Subtropical*. Culcatta, India: B. Mitra Naya P. Prakash.

Che Rahani, Z. 1986. *Produk dari Buah-buahan Yang Kurang Popular*. *Berita Penyelidikan MARDI* 8:3/86.

Corner, E.J.H. 1954. *Wayside Trees of Malaya*. Singapore: Govt. Printer

Nor Ain, M.R. 1993. *Lanskap Kediaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Ridley, H.N. 1922-25. *Flora of the Malay Peninsula*. 5 Jil. London: L. Reeve & Co.

Rukayah, A. 1992. *Buah-buahan Nadir Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Rukayah, A., Mohamad, O., 1995. Buah-buahan Nadir Berpotensi Komersial. *Prosiding B Bengkel Tanaman Yang Kurang Dieksploitasikan*, MARDI, Serdang.